

25 NOV 1997

Sanusi-Sokongan

SANUSI AJAK RAKYAT BERI SOKONGAN KEPADA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 25 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini menyatakan sokongan kerajaan negeri kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha mengatasi kemelut ekonomi negara sekarang.

Beliau mengajak rakyat bersama mengatasi krisis ekonomi dengan memberi sokongan penuh kepada kerajaan.

"Dalam menghadapi kemelut ekonomi sekarang, rakyat negeri ini janganlah gelabah atau panik tetapi haruslah menyertai kerajaan dan menyokong Dr Mahathir," kata beliau semasa ucapan belanjawan pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Sanusi berkata rakyat juga harus menyokong penuh penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang berperanan untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sanusi juga melahirkan penghargaan kerajaan negeri atas kerjasama erat kerajaan pusat sehingga memungkinkan Kedah mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar yang tinggi iaitu RM6,187 juta tahun lepas.

Beliau berkata kadar pertumbuhan itu tidak mungkin tercapai tanpa kerjasama erat dari kerajaan persekutuan.

Sanusi berkata fakta telah membuktikan bahawa Dr Mahathir adalah akitek ulung yang menerajui negara ini ke tahap pencapaian pembangunan yang begitu tinggi di kalangan negara-negara membangun.

"Kerajaan negeri amat menyanjungi dan menghargai kerjasama dan bantuan itu dan akan tetap berdiri teguh menyokong kepimpinan Dr Mahathir, lebih-lebih lagi ketika negara menghadapi kemelut ekonomi.

"Dengan kerjasama erat di semua peringkat, negeri dan persekutuan serta berkat permuafakatan rakyat kita mempunyai penuh keyakinan penuh krisis matawang yang melanda negara sekarang dapat diatasi secepat mungkin," katanya. -- BERNAMA

MZM FAZ